

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN R. SIVARASA [ SUBANG ]**

**RUJUKAN : 7320**

**SOALAN:**

**Tuan R. Sivarasa [ Subang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- a) jumlah tahanan Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) 2014 (POCA) dari tarikh pindaan kepada akta dikuatkuasakan sehingga ke hari ini dengan pecahan setiap bulan mengikut warganegara, negeri asal, bangsa, jantina, umur, pertuduhan, tempoh ditahan dan tempat mereka ditahan; dan
  
- b) jumlah Perintah Tahanan dan Perintah Sekatan yang telah dikeluarkan, mengikut bulan, di bawah POCA 2014 sejak pindaan dikuatkuasakan ke hari ini.

**JAWAPAN:**

**Untuk makluman, sehingga 30 September 2014, seramai enam (6) orang telah dikenakan Perintah Tahanan di bawah seksyen 19A Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297).**

**Manakala bagi tempoh yang sama, seramai 115 orang telah dikenakan Perintah Pengawasan Polis di bawah seksyen 15 Akta ini. Statistik Perintah Tahanan dan Perintah Pengawasan Polis tersebut adalah seperti di Lampiran A, Lampiran A1 dan Lampiran B.**

**LAMPIRAN A****STATISTIK PERINTAH TAHANAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959  
(AKTA 297) BAGI TEMPOH 02 APRIL 2014 HINGGA 30 SEPTEMBER 2014**

Bil.	Status Kewarganegaraan		Kaum				Jantina		Pusat Pemulihan Khas	
	W	BW	Melayu	Cina	India	Lain-lain	L	W	Bentong	Simpang Renggam
April	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Mei	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Jun	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Julai	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Ogos	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
September	3	3	2	-	-	4	6	-	4	2
Jumlah	3	3	2	-	-	4	6	-	4	2

**LAMPIRAN A1**

**MAKLUMAT PERINTAH TAHANAN DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959 (AKTA 297)**  
**BAGI TEMPOH 02 APRIL 2014 HINGGA 30 SEPTEMBER 2014**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Warganegara</b>	<b>Tarikh &amp; Tempoh Tahanan</b>	<b>Tempat Tahanan</b>	<b>Kegiatan</b>
1.	<b>Abu Bakar bin Jaiyari</b> 61 Tahun (Melayu / Lelaki)	Malaysia (Sabah)	09 September 2014 selama dua (2) Tahun	Pusat Pemulihan Khas Bentong, Pahang	Merekut ahli untuk suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang iaitu <i>Sultanate of Sulu &amp; North Borneo</i> .
2.	<b>Zainuddin bin Milsani</b> 50 Tahun (Melayu / Lelaki)	Malaysia (Sabah)	09 September 2014 selama dua (2) Tahun	Pusat Pemulihan Khas Bentong, Pahang	Merekut ahli untuk suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang iaitu <i>Sultanate of Sulu &amp; North Borneo</i> .
3.	<b>Kasim bin Ibrahim</b> 49 Tahun (Filipina / Lelaki)	Tiada Pengenalan Diri (Filipina)	09 September 2014 selama dua (2) Tahun	Pusat Pemulihan Khas Bentong, Pahang	Merekut ahli untuk suatu pertubuhan yang menyalahi undang-undang iaitu <i>Sultanate of Sulu &amp; North Borneo</i> .

Bil.	Nama	Warganegara	Tarikh & Tempoh Tahanan	Tempat Tahanan	Kegiatan
4.	<b>Afgan</b> 40 Tahun (Indonesia / Lelaki)	Indonesia	10 September 2014 selama dua (2) Tahun	Pusat Pemulihan Khas Bentong, Pahang	Ahli kumpulan samun yang terlibat di dalam jenayah samun berkawan bersenjatakan parang.
5.	<b>Hendrison bin Suid</b> 42 Tahun (Indonesia / Lelaki)	Malaysia (PR)	10 September 2014 selama dua (2) Tahun	Pusat Pemulihan Khas Simpang Renggam, Kluang, Johor	Ahli kumpulan samun yang terlibat di dalam jenayah samun berkawan bersenjatakan parang.
6.	<b>Soleh</b> 42 Tahun (Indonesia / Lelaki)	Indonesia	10 September 2014 selama dua (2) Tahun	Pusat Pemulihan Khas Simpang Renggam, Kluang, Johor	Ahli kumpulan samun yang terlibat di dalam jenayah samun berkawan bersenjatakan parang.

**LAMPIRAN B****STATISTIK PERINTAH PENGAWASAN POLIS DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN JENAYAH 1959  
(AKTA 297) 2014 BAGI TEMPOH 02 APRIL 2014 HINGGA 30 SEPTEMBER 2014**

Bil.	Bulan	Kaum				Jantina		Jumlah
		M	C	I	L/L	Lelaki	Perempuan	
1	April	-	1	-	-	1	-	1
2	Mei	2	6	12	-	20	-	20
3	Jun	13	6	17	-	36	-	36
4	Julai	16	4	10	-	30	-	30
5	Ogos	4	2	13	-	19	-	19
6	September	6	2	1	-	9	-	9
Jumlah Besar		41	21	53	0	115	0	115